



14 Mac 2016  
14 March 2016  
P.U. (A) 62

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN PENJARA (PINDAAN) 2016

### *PRISONS (AMENDMENT) REGULATIONS 2016*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PENJARA 1995

PERATURAN-PERATURAN PENJARA (PINDAAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 67 Akta Penjara 1995 [*Akta 537*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Penjara (Pindaan) 2016.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Mac 2016.

**Pindaan am**

2. Peraturan-Peraturan Penjara 2000 [P.U. (A) 325/2000], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan “Ketua Pengarah” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “Komisioner Jeneral”; dan

(b) dengan menggantikan perkataan “Perintah Tetap Ketua Pengarah” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “Perintah Tetap Komisioner Jeneral”.

**Pindaan peraturan 2**

3. Peraturan 2 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam takrif “banduan yang disabitkan” dengan memasukkan selepas perkataan “pemenjaraan” perkataan “termasuklah banduan yang dipindahkan ke Malaysia di bawah Akta Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012 [*Akta 754*]”.